

## BAB IV

### KONSEP 'JADI ORANG' DI KALANGAN MASYARKAT MELAYU KAMPUNG KELULUT

#### 4. 1 Pendahuluan

Nilai-nilai orang Melayu terhadap konsep 'jadi orang' bermakna seseorang individu mempunyai sifat yang dianggap sebagai sifat manusia yang bermaruah dan membezakan dirinya daripada haiwan. Orang Melayu Kelulut menyebut 'nok jadi bende?' kepada anak apabila anak-tidak mengikut nasihat ibu bapa, nakal atau degil. Ibu bapa mengemukakan pertanyaan 'nok jadi bende ?' bukan bertujuan mendapat jawapan daripada anak tetapi mereka memberi peringatan kepada anaknya dan memberi garis panduan tentang perbezaan di antara 'jadi orang' dengan 'jadi hantu' atau 'jadi syaitan' dalam pandangan masyarakat.

'Jadi orang' dalam pemikiran orang Melayu Kelulut merupakan kedudukan seseorang individu yang mencapai tahap yang sesuai dengan nama 'orang'. Kalau seseorang yang dinilai itu mempunyai sifat-sifat baik dari pelbagai segi, mereka hanya mengatakan orang itu sebagai orang yang boleh menjadi teladan, patut dihormati, disegani atau menyebutnya 'susah jumpa orang macam dia'. Orang yang disebut sebagai 'orang' dijangka mempunyai sifat dan perangai yang baik. Perangai 'orang' baik dalam masyarakat ini merupakan suatu gabungan yang merangkumi pelbagai ciri dan sifat baik. Dengan kata lain, ia merupakan suatu kompleks perangai, sifat dan jangkauan perlakuan. Kalau begitu, dengan syarat apakah seseorang individu mencapai tahap 'jadi orang' dalam pandangan orang Melayu Kelulut ?

Berlainan dengan nilai-nilai 'jadi orang' yang terkandung dalam peribahasa dan pantun yang meliputi 19 ciri-ciri 'jadi orang' dan boleh dibahagikan kepada enam kategori, konsep 'jadi orang' dalam komuniti Melayu Kelulut diasaskan kepada tiga kategori utama, iaitu nilai agama, nilai perpaduan dan nilai estetik sementara nilai-nilai lain seperti ekonomi, kuasa dan ilmu agak rendah sedikit penekanannya walaupun nilai ekonomi, kuasa dan ilmu juga masih merupakan kriteria penting terhadap konsep 'jadi orang'. Oleh yang demikian, pengkaji meneliti tiga nilai yang terdahulu dan membuat perbandingan nilai-nilai dalam ungkapan dengan nilai-nilai dalam masyarakat Melayu Kelulut. Nilai ekonomi, ilmu dan kuasa dibincangkan kemudian.

#### 4. 2 Nilai Agama

Nilai agama merupakan salah satu nilai penting dalam konsep 'jadi orang' di kalangan masyarakat Melayu Kelulut. Kerana orang Melayu Kelulut adalah orang Islam maka nilai-nilai mereka banyak dipengaruhi oleh agama Islam. Pentingnya agama Islam pernah juga dibahas oleh Banks ketika menganalisis tentang pembentukan idea dan pandangan orang Melayu di Kedah.

"Islam has had an important formative and reformative role in molding modern Malay ideas and outlooks about the social universe. The great significance of Islam was its role as an oral and written medium for the transmission of a revolutionary and authoritative set of statements about men as moral and social beings." (Banks, 1983 : 53)

Nilai agama dalam masyarakat Melayu Kelulut boleh dibahagikan kepada dua unsur utama, iaitu berilmu dan beriman. Orang Melayu Kelulut mengkonsepsikan 'orang' dari segi agama sebagai orang yang berjiwa murni seperti orang beriman dan orang berilmu (alim).

#### 4. 2. 1 Alim (Berilmu)

Komuniti Melayu Kelulut mengkonsepsikan 'orang' alim dari tiga aspek iaitu (i) mempunyai ilmu agama, (ii) mengimbangkan ilmu agama dengan amalan dan (iii) menyumbangkan ilmu agama untuk perpaduan dan kemajuan masyarakat. Orang Melayu Kelulut menghormati orang yang berilmu kerana orang berilmu (alim) itu mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang ajaran agama Islam, iaitu asas dan teras kehidupan mereka. Orang Melayu Kelulut menganggap bahawa imam, lebai dan bilal merupakan orang alim. Walaupun orang Melayu Kelulut belajar mengaji al-Qur'an sejak mereka masih kecil, ilmu pengetahuan mereka terhad kerana mereka hanya belajar mengaji tanpa memahami tafsirannya. Oleh itu, seorang responden menggambarkan ciri-ciri orang alim dengan membahagikannya kepada tiga jenis, iaitu orang tahu, orang lebai dan orang alim betul seperti berikut ;

"Ada tiga jenis, iaitu, orang tahu, orang lebai, dan orang alim. Orang tahu ia tahu dengar aje, kalau dengar ajaran, faham tapi baca dok. Orang lebai, ia boleh baca tapi dok boleh tafsir. Orang alim, ia boleh baca dan tafsir juga... pengetahuan dan kelakuan sama. Kalau dia jumpa seseorang puang dok pakai tudung, dia tunduk kepala. Ia dok ca'kap banyak (dok bohong, dok tipu), dia besih, suci, murni jiwa... orang alim betul dok sombong, dia dok berapa mahu benda-benda, dia dok mahu dudok rumah besar, ia ngaji setiap waktu solat, dia keramat kalau hujan pun dok basah." (Endut bin Said)

Pandangan di atas menegaskan betapa pentingnya imbalan di antara ilmu dan amalan seseorang alim. Oleh yang demikian, orang alim sangat disegani dan dijunjung oleh masyarakat Melayu Kelulut. Orang Melayu Kelulut yang bermasalah biasanya mengadu dan meminta nasihat daripada bukan sahaja orang alim tetapi juga orang berpengalaman dan berumur tua. Orang yang sesungguhnya alim adalah orang yang bukan sahaja berilmu tentang agama Islam tetapi juga bertingkah laku mengikut ajaran agamanya. Seseorang alim dikehendaki sentiasa

bertingkah laku dalam lingkungan agama dan tidak melepasi batasan dan had yang ditentukan oleh agama. Justeru itu seseorang individu tidak boleh menjadi orang alim kalau dia tidak mematuhi ajaran-ajaran Islam di dalam kehidupan seharian.

"Ikut perintah ugama, apa yang dilarang dok buat, jiwanya suci, murni, beilmu tentang agame, pandai baca Qur'an, yang penting tu berilmu dengan beriman. Berilmu dan tingkah laku dia kena seimbang." (Hamid bin Hussin)

Pandangan di atas mengukuhkan andaian tentang betapa pentingnya keseimbangan di antara ilmu dan tingkah laku (beriman). Seseorang yang berilmu tidak akan dihormati kalau dia bersifat sombong atau tinggi hidung atau menghina orang lain kerana kurang berilmu. Orang yang sedemikian boleh dianggap sebagai orang berilmu tetapi tidak boleh dihormati kerana dia tidak mengimbangkan ilmunya dengan tingkah lakunya. Dalam konteks ini, nilai agama (alim) dan nilai perpaduan (ramah) saling melengkapi untuk memenuhi syarat 'jadi orang'.

"Bukang saja baik dengan Tuhan. Baik dengan orang lain dan jiran pun penting jugo." (Muhammad bin Said)

Di Kampung Kelulut terdapat dua orang 'Tok Imam', iaitu Talib dan Wan Musa. Talib adalah seorang tok imam yang berpengalaman kerana dia berumur 50-an dan telah lama bekerja sebagai tok imam. Sementara Wan Musa yang berumur 39 tahun bekerja selama 5 tahun selepas dia belajar di sebuah pondok di negeri Kedah. Walaupun tok imam Wan Musa lebih alim dari segi ilmu agama, tok imam Talib lebih dihormati kerana beliau adalah lebih berumur, berpengalaman dan telah lama menyumbangkan kepada masyarakat Melayu Kelulut. Ini membuktikan bahawa nilai agama dalam masyarakat Melayu Kelulut adalah lebih ditekankan dari segi sumbangannya kepada masyarakat. Orang Melayu Kelulut lebih menekankan khidmat orang berilmu kepada masyarakat daripada orang yang hanya memiliki ilmu



pengetahuan sahaja. Pada pandangan mereka, orang berilmu (alim) adalah bukan sahaja dianggap sebagai 'orang' tetapi juga disegani oleh masyarakat kerana beliau mengetahui banyak perkara tentang agama dan pada masa yang sama beliau menyumbang kepada ahli masyarakat yang kurang alim dan kurang berilmu. Dalam konteks ini, unsur berilmu (alim) ini berkaitan dengan nilai kuasa kerana orang alim dalam masyarakat Melayu Kelulut mendapat kehormatan daripada masyarakat Melayu Kelulut. Seorang responden menegaskan sumbangan orang alim kepada masyarakatnya seperti berikut ;

"Orang alim adalah orang arif dalam agame seperti Imam, bilal, ustaz, ustazah dan lain-lain. Mereka memang baik sebab mereka ni pandai dalam agame dan lagipun ngajor agame pada orang." (Ara binti Muda)

Walau bagaimanapun peranan orang alim tidak boleh diketepikan kerana sebilangan besar ibu bapa berpendapat bahawa pelajaran agama adalah salah satu perkara yang paling penting dalam pendidikan anak mereka. Di komuniti Kelulut dua orang 'tok mengaji' menyumbangkan ilmu pengetahuan mereka untuk pendidikan agama kanak-kanak. Dua orang tok mengaji tersebut tidak mengajar kanak-kanak untuk mendapat wang tetapi menggunakan kemampuannya untuk memberi sumbangan kepada masyarakat. Tok mengaji diberi elaun RM \$150 sebulan oleh Jabatan Agama Negeri Terengganu. Mereka juga menerima sumbangan daripada ibu bapa kanak-kanak yang belajar. Tetapi, sumbangan ibu bapa tidak diwajibkan dan tergantung kepada kemampuan keluarga kanak-kanak. Oleh itu, terdapat ibu bapa yang memberi wang kepada tok mengaji sementara ada juga ibu bapa yang memberikannya kain sarung, membawa buah-buahan dari kerja mereka atau barang lain mengikut kemampuan masing-masing.

Selain itu, dalam masyarakat Melayu Kelulut, peranan pemimpin agama tidak terhad kepada hal agama sahaja tetapi meliputi segala aspek yang ada kaitan dengan kehidupan seharian dalam masyarakat seperti ritual, kenduri dan sebagainya. Orang Melayu Kelulut juga sangat mementingkan tatacara atau adat dalam hal-hal yang berkaitan dengan agama. Segala upacara (ritual) dan kenduri yang berkaitan dengan agama dan ritual dijalankan menurut tatacara atau adat. Pentingnya tatacara dan upacara tersebut ditegaskan oleh Mahathir seperti berikut ;

"Tatacara dan upacara agama sangatlah penting dalam konsep nilai orang Melayu. Sesuatu yang rasmi adalah dianggap sesuai. Menyeleweng dari tatacara dianggap tidak sesuai, biadab dan patut dicela dan dihukum oleh Tuhan dan manusia." (Mahathir, 1970 : 186)

Masyarakat Melayu Kelulut masih memegang tradisi yang penting dan mengamalkan upacara-upacara ritual seperti aqiqah, berkhatan/sunat, bercukur rambut dan sebagainya. Kecenderungan mereka terhadap agama juga unik atau tersendiri. Mereka lebih mementingkan amalan, ritual dan upacara daripada ajaran dan doctrine atau pegangan agama. S. Husin Ali menegaskan pentingnya upacara ritual dalam masyarakat Melayu secara menyeluruh seperti berikut ;

"The point is that among a large proportion of Malays the ritual or ceremonial aspects are often more emphasised than the true doctrine and philosophy. In other words, the social rather than the theological significance of religion is of greater concern to them." (S. Husin Ali, 1981 : 49)

Oleh yang demikian, pemimpin agama seperti imam masjid bukan sahaja dikehendaki menjadi tokoh agama yang boleh dicontohi oleh anggota masyarakat tetapi juga melibatkan diri dalam mengendalikan ritual masyarakat seperti majlis kenduri dan 'rite de passage' lain. Nagata (1986 : 39) juga memerhatikan peranan dan tanggungjawab pemimpin agama dalam kehidupan masyarakat Melayu dari segi agama dan ritual. Oleh itu, orang alim dalam masyarakat Melayu Kelulut

mempunyai tanggungjawab terhadap masyarakat keseluruhannya kerana dia haruslah mengajar, menolong, memimpin dan membimbing orang lain dalam pelbagai upacara atau masjlis. Kalau dibandingkan dengan nilai alim dalam peribahasa dan pantan, nilai alim dalam masyarakat Melayu Kelulut lebih menekankan sumbangan orang alim kepada masyarakat. Sementara nilai dalam peribahasa mementingkan ilmu pengetahuan dan amalannya.

#### 4. 2. 2 Iman

Menurut pandangan orang Melayu Kelulut, 'orang' yang beriman adalah (i) 'orang' yang mempunyai kepercayaan terhadap agama, (ii) 'orang' yang mematuhi suruhan dan ajaran agama dan (iii) 'orang' yang menyedari tanggungjawab sebagai orang Islam. Orang beriman adalah dihormati oleh masyarakat Melayu Kelulut kerana orang Melayu Kelulut berpendapat bahawa keputusan atau tindakan orang yang beriman itu adalah yang wajar dan tepat kerana semua itu berdasarkan pada ajaran Islam. Dengan itu, orang Melayu Kelulut memberi nilai tinggi terhadap pandangan dan nasihat orang beriman kerana orang beriman adalah orang yang mempunyai ilmu pengetahuan tentang Islam dan mematuhi ajaran Islam dalam tingkah lakunya. Oleh itu, salah satu unsur 'orang' yang baik adalah orang yang sentiasa mengawal nafsu dan tingkah laku diri mengikut akal dan ajaran Islam. Ini kerana manusia mempunyai pelbagai jenis sifat termasuk sifat haiwan. Maka ada kalanya mereka mengikut hawa nafsu dan ada kalanya mengikut akal yang dikurniakan oleh Tuhan. Kalau seseorang individu bertingkah laku mengikut hawa nafsu sahaja, orang itu tidak berbeza daripada haiwan. Orang Melayu Kelulut mempercayai bahawa agama Islam merupakan panduan dalam kehidupan mereka untuk menahan nafsu mereka dan menghindarkan diri mereka daripada perbuatan yang jahat atau berdosa. Oleh itu orang Melayu Kelulut berpendapat jiwa murni boleh diperolehi melalui ajaran Islam.

Justeru itu sikap beriman menjadi kriteria utama dalam masyarakat Melayu Kelulut kerana mereka berfikir bahawa kalau seseorang individu itu beriman dan tahu tentang dosa, sekurang-kurangnya orang itu berusaha menjauhinya daripada melakukan dosa atau kesalahan. Dengan kata lain, orang yang beriman dianggap sebagai orang yang boleh diharap. Terdapat suatu perkara yang menunjukkan berapa pentingnya sifat beriman ini dalam menilai seseorang individu. Suatu hari, seorang makcik yang memiliki sebuah kedai runcit dalam Kampung Kelulut meragui sama ada dia menerima bayaran untuk barang yang dijual kepada seorang pakcik atau tidak. Pakcik yang dikenali sebagai Pok Su adalah seorang beriman dan dia mengatakan bahawa dia telah membayar untuk barang itu. Walaupun makcik tersebut tidak ingat sama ada pembayaran itu telah dijelaskan, makcik mempercayai cakap Pok Su itu kerana makcik yakin bahawa orang beriman seperti Pok Su tidak bercakap bohong. Bagi orang Melayu Kelulut, cara yang paling baik untuk membuktikan diri seseorang itu beriman ialah sentiasa berusaha mencontohi tingkah laku dan perbuatan orang yang murni seperti nabi dan para sahabat. Orang Melayu Kelulut berpendapat bahawa tingkah laku nabi-nabi dan para sahabat adalah tingkah laku yang mulia, sempurna dan yang paling dekat dengan sifat dan sikap yang digalakkan oleh ajaran Islam. Dengan itu, seseorang individu boleh membersihkan diri sendiri dari segi rohani.

Oleh itu, agama Islam menjadi perangsang untuk orang Melayu Kelulut bersifat baik dan mulia kerana mereka menerima ajaran Islam yang menegaskan nilai-nilai murni yang mendatangkan kesenangan di akhirat nanti. Orang yang bersifat mulia adalah orang yang tidak dipengaruhi oleh sifat-sifat yang dilarang agama seperti tamak, ikut nafsu, sombong, dengki dan sebagainya. Menurut orang Melayu Kelulut, orang yang mulia bersifat murah hati, pemaaf, dan selalu mengingati Tuhan dan ini boleh dicapai melalui ajaran Islam dan amalannya. Seseorang responden membezakan sifat 'orang' daripada sifat syaitan seperti berikut ;

"Orang adalah orang jiwa yang selalu murni, lembut dan sifat syaitan dan iblis adalah ikut hawa nafsu." (Mohamad Robi B. Mat Zin)

Sementara orang yang tidak beriman dianggap sebagai orang yang tidak bersifat 'orang' kerana sifat-sifat orang yang tidak beriman menjadi halangan atau gangguan kepada orang lain. Antaranya ialah tidak sabar, tidak bertimbang rasa, pemaarah dan mengikut hawa nafsu sahaja. Seseorang yang tidak menahan diri dan berbuat sesuka hati itu dianggap orang yang mengikut hawa nafsu sahaja dan sifat demikian berlawanan dengan sifat 'orang' yang baik. Contohnya, orang 'bekeng' atau 'musang' <sup>1</sup> dianggap sebagai orang yang tidak beriman dan tidak bijak kerana 'orang' yang baik dalam masyarakat Melayu Kelulut dikehendaki mengawal perasaan, tingkah laku serta nafsu. Pandangan orang Melayu Kelulut terhadap sifat beriman dan 'bekeng' ini boleh dijelaskan oleh pendapat seorang responden berikut ;

"Walaupun orang bekeng itu selalu tolong orang, dia dok dianggap orang baik sebab dia dok boleh timbang rasa, iman kurang, ikut suka perasaan." (Fatimah binti Mohamad)

Di Kampung Kelulut terdapat seorang tok mengaji yang bersifat garang. Tok mengaji tersebut telah lama mengajar kanak-kanak mengaji al-Qur'an lalu seluruh masyarakat Melayu Kelulut mengakui sumbangannya kepada kanak-kanak dari segi agama. Walaupun demikian, tok mengaji tersebut tidak dianggap sebagai orang beriman kerana dia cepat naik darah terhadap kesilapan orang lain dan memarahi orang tersebut. Oleh itu, kanak-kanak dan ibu bapa mereka tidak selesa untuk bercampur gaul dengannya. Perkara ini menyebabkan anak muridnya berlari daripadanya lalu bilangan kanak-kanak yang belajar mengaji dengannya tidak seramai tok mengaji lain. Walaupun dia mengajar kanak-kanak mengaji, sifat

garang itu dipandang rendah kerana sifat garang itu bermakna tok ngaji tidak boleh mengawal perasaan sendiri. Orang yang selalu mengikut perasaan sendiri dan hawa nafsu sahaja dipandang rendah kerana orang Melayu Kelulut sangat menghargai sifat sabar, tabah dan menahan diri yang boleh mendatangkan kesejahteraan untuk individu dan keharmonian untuk masyarakat. Ini disebabkan sifat sabar mencerminkan keimanan seseorang individu. Sebaliknya sifat mengikut hawa nafsu dan perasaan menyebabkan persengketaan, perselisihan antara anggota masyarakat kerana sifat itu tidak mempedulikan perasaan atau kebaikan orang lain.

Selain daripada menjaga tingkah laku sendiri, pada pandangan orang Melayu Kelulut, orang beriman adalah orang yang taat kepada Islam dan rajin beribadat kerana dia menyedari tanggungjawabnya sebagai umat Islam. Ini kerana ibadat adalah bakti (khidmat) kepada Tuhan, perbuatan dan amalan yang dilakukan sebagai bakti kepada atau kerana Tuhan seperti sembahyang, berdoa, bersedekah, berbuat baik sesama manusia dan lain-lain. Orang Melayu Kelulut juga menegaskan perbuatan seseorang yang mematuhi rukun Islam ialah seperti sembahyang, zakat, puasa dan mengerjakan haji.

"Orang dok tinggal solat 5 kali sehari. Pada bulan Ramadhan dan malang Jumaat baca Quran. Orang yang rajin pergi masjid untuk sembahyang dan menjalankan banyok sunnah." (Mohammad bin Salleh)

Walaupun ibadat dan keimanan seseorang individu adalah perkara yang peribadi tetapi seseorang 'orang' dikehendaki kelihatan beriman dan kuat beribadat kerana seseorang yang kelihatan tidak beribadat (dengan nyata) boleh dikenakan hukuman masyarakat. Sehubungan itu, satu fenomena yang menarik dalam masyarakat Melayu Kelulut ialah hukuman (sanction) terhadap orang yang menyelewengkan tanggungjawab sebagai umat Islam. Seorang pakcik tidak menghadiri sembahyang Jumaat tiga kali tanpa alasan munasabah seperti uzur atau

berada dalam perjalanan. Jadi dia menjadi bahan buah mulut dalam Kampung Kelulut dan keimanannya dipersoalkan oleh masyarakat Melayu Kelulut kerana dia tidak mengerjakan tanggungjawab sebagai orang Islam. Maka dia adalah diketepikan oleh anggota-anggota masyarakat sehingga dia mengemukakan alasan yang wajar. Selepas meneliti nilai keimanan dalam masyarakat Melayu Kelulut, pengkaji mendapati bahawa penduduk tersebut lebih mementingkan sikap dan amalan yang disebabkan oleh keimanan seseorang individu. Selain itu, masyarakat Melayu Kelulut menegaskan perpaduan yang diperolehi melalui sifat-sifat anggota masyarakat yang beriman.

Walaupun peranan dan pentingnya agama Islam dalam menyatupadukan masyarakat Melayu Kelulut sangat meluas dan mendalam, terdapat juga pandangan yang negatif terhadap agama Islam ke atas pembangunan atau kemajuan masyarakat. Beberapa orang responden meluahkan perasaan mereka yang tidak senang dengan jiran yang melampau dalam aktiviti agama. Menurut mereka, ada beberapa contoh orang yang meninggalkan keluarga untuk medapat ilmu agama. Walaupun orang tersebut berilmu nanti, dia tidak dianggap sebagai 'orang' dalam pandangan orang Melayu Kelulut, kerana dia tidak menjalankan tanggungjawab sebagai suami dan bapa atau jiran tetapi mementingkan diri sendiri sahaja. Satu lagi contoh lain ialah orang PAS<sup>2</sup> yang tidak bergaul dengan orang lain dalam masyarakat kerana mereka berfikiran orang lain tidak mematuhi ajaran Islam secara bersungguh-sungguh.

Pengkaji mendapati bahawa nilai agama dalam masyarakat Melayu Kelulut ini merangkumi dua aspek, iaitu individu dan sosial, kerana agama merupakan faktor penting yang bukan sahaja untuk menghubungkan seorang individu dengan Tuhan, tetapi juga individu dengan masyarakat, kerana kehidupan dan budaya mereka diserap oleh agama secara menyeluruh dan mendalam. Nilai agama dalam masyarakat Melayu Kelulut adalah lebih mementingkan penggunaan

ilmu, amalan dan sumbangan kepada masyarakat daripada kealiman seseorang individu. Seorang responden memberi gambaran 'orang' yang alim seperti berikut ;

"Dia taat dari segi ibadat dan dia dok peronoh ca' kap kasor. dia baik, dok sombong. Orang alim yang kasor kepada orang lain dok elok. Orang alim macam itu duduk tengah tepi, orang Melayu ca'kap. Orang betul-betul alim itu lembut pada sesiapaupun, suara dia dok peronoh tinggi. dari segi hukum Islam, dia banyok tahu, dan banyok baca kitab, kuat beribadat, sembahyang sunat, puasa sunat, baik, tolong orang dan kelakuannya baik, jauhi puang<sup>3</sup>, minum, judi, ngajor kifab pada orang-orang kampung, ramoh, mesra." (Cik Gal)

#### 4. 3 Nilai Estetik

Walaupun masyarakat Melayu Kelulut menegaskan unsur keagamaan dalam menilai seseorang individu, tetapi ternyata unsur agama sahaja tidak mencukupi syarat untuk menjadi 'orang' baik dalam masyarakat. Selain agama, seorang individu perlu mempunyai perangai yang baik dan sikap yang suka bergaul dengan masyarakat. Dengan itu, orang Melayu Kelulut memberi keutamaan kepada nilai budi baik apabila diminta memberi pandangannya mengenai kualiti 'orang' tertentu. Menurut maklumat-maklumat yang diperolehi melalui temuramah dengan responden, pengkaji mendapati masyarakat Melayu Kelulut sangat mementingkan budi seseorang dalam menilai seorang individu. Justeru itu 'orang' mempunyai makna yang sama dengan orang berbudi baik dan bersopan-santun. Walaupun budi bahasa dan sopan santun mempunyai makna yang luas, orang Melayu Kelulut memberi penekanan kepada kualiti hati dan perasaan, yang dijadikan sebagai asas untuk memahami budi bahasa dan tingkah laku seseorang. Bagaimanapun orang Melayu Kelulut tidak membezakan antara faktor budi dengan sopan. Dengan kata



lain budi dan sopan adalah konsep yang saling berinteraksi untuk mengeluarkan sifat, sikap dan tingkah laku yang indah dan baik.

#### 4. 3. 1 Budi

Orang Melayu Kelulut menyamakan tingkah laku berbudi bahasa dengan segala sifat yang berpatutan atau wajar sebagai manusia. Budi adalah kebaikan dalam hati yang membawa kepada perbuatan, tingkah laku atau sikap yang baik. Justeru mereka mengaitkan budi dengan segala tingkah laku dan sikap yang baik. 'Orang' yang berbudi adalah (i) orang yang berjasa (berbudi) kepada orang lain (ii) 'orang' yang berbuat baik kepada orang lain dan (iii) 'orang' yang tahu membalas budi dan jasa orang lain. Kualiti ini dapat difahami daripada tingkah laku Mak Long iaitu seorang yang dipuji oleh orang Melayu Kelulut. Mak Long adalah isteri kepada Tok Imam Talib dan mempunyai anak seramai enam orang. Walaupun keadaan ekonomi keluarga Mak Long tidak begitu kukuh, dia selalu menolong dan mengambil berat terhadap orang susah. Oleh kerana Mak Long adalah orang yang berbudi baik, beliau dipuji dan dihormati oleh orang Melayu Kelulut. Perasaan orang Melayu Kelulut terhadap Mak Long boleh dibayangkan melalui peribahasa 'bagaimana aku tak ingat, orang baik hati budinya'. Namun kebanyakan orang Melayu Kelulut tidak membezakan antara budi bahasa dengan sopan santun mereka menggunakan kedua-dua istilah itu sebagai sinonim. Sebagai contoh seorang responden memberi gambarannya mengenai budi bahasa seperti berikut ;

"Budi bahasa ialah ca'kap lembut, kalau orang bagi, nanti balas, kalau saya ada benda, bagi ke orang, tolong-menolong, tegur sapa." (Wan Musa bin Wan Abdullah )

Orang berkualiti baik adalah orang yang sentiasa bertingkah laku baik dan lembut terhadap semua orang tanpa mengira kedudukan dan keadaan. Orang

sedemikian sentiasa berbuat baik dan mesra terhadap orang susah kerana dia merasa belas kasihan terhadap orang tersebut. Pandangan ini adalah berasaskan kepada pandangan dan ajaran Islam yang menganggap bahawa semua manusia adalah makhluk yang mulia yang diciptakan oleh Allah dan tidak ada hirarki di antara mereka. Dengan itu orang yang memilih atau menilai orang mengikut kedudukan atau kekayaan seseorang tidak disukai oleh masyarakat Kelulut kerana perbuatan begitu boleh menimbulkan perasaan tersinggung, kecil hati, dengki dan sebagainya. Misalnya seseorang individu yang hanya berbuat baik dan bermesra dengan orang kaya dan berpangkat tinggi sahaja, dan tidak melayan orang yang susah, miskin dan berpangkat rendah, dianggap sebagai orang bermuka dua. Terdapat kes orang yang bermuka dua di kampung ini, iaitu Pak Mat yang selalu berbaik-baik, beramah dan bermesra dengan orang kaya sahaja. Dia memang seorang yang pandai tetapi sikapnya tidak disukai oleh masyarakat Melayu Kelulut khususnya di kalangan orang biasa yang tidak berpangkat tinggi, tidak kaya atau tidak alim. Sikap Pak Mat ini menyebabkan orang ramai sering tersinggung dan keadaan ini menjejaskan hubungan baik di antara dirinya dengan anggota-anggota masyarakat.

Berhubungan dengan nilai budi ini, orang Melayu Kelulut menegaskan tentang pentingnya pembalasan terhadap budi orang lain apabila dia berada dalam keadaan yang membenarkannya membalas budi orang lain. Walaupun membalas budi itu tidak merupakan kewajipan, orang yang terhutang budi itu dianggap sebagai orang yang tahu budi kalau dia tidak melupakannya dan membalas budi orang lain itu dengan cara sendiri. Misalnya seorang susah yang mendapat bantuan daripada orang kaya membalasnya dengan menolong kerja untuk orang tersebut. Ini bermakna pembalasan budi itu tidak semestinya dalam bentuk yang sama dengan yang diterimanya. Sebaliknya pembalasan itu tidak kira apa jua bentuknya asalkan seseorang yang terhutang budi itu berterima kasih dan menghargai budi orang lain.

Balas budi ini berkaitan dengan sikap tolong-menolong sesama anggota masyarakat dan telah menjadi amalan dalam masyarakat Melayu Kelulut. Penduduk Kampung Kelulut sebagai masyarakat pertanian tidak mempunyai bahan atau barang yang mencukupi bagi memenuhi keperluan orang kampung untuk membalas budi orang lain dengan barang yang sama.<sup>4</sup> Tetapi orang Melayu Kelulut mempunyai banyak peluang untuk membalas budi orang lain dengan tenaga sendiri kerana masyarakat Melayu Kelulut sangat memerlukan tenaga manusia khususnya pada musim tertentu seperti musim menyemai dan musim menuai tembakau. Oleh yang demikian, orang yang terhutang budi boleh membalas budi orang lain pada masa ini, iaitu dengan menolong kerja di ladang. Seorang pakcik bernama Dollah adalah seorang nelayan dan anaknya ramai dan masih kecil. Pak Dollah ini tidak dapat bekerja selama 3 bulan kerana kakinya patah, lalu dia tidak dapat menanggung keperluan keluarga. Dalam keadaan susah ini, ramai jiran merasa belas kasihan dan menolong keluarga Pak Dollah dengan pelbagai bentuk sumbangan seperti beras, tepung, telur, bahan makanan, ikan dan sayur-sayuran. Pada masa yang sama, ramai perempuan meminta isterinya menjahit baju kurung dan menyumbangkan wang kepada keluarganya. Selepas Pak Dollah pulih daripada kecederaan, dia berusaha dengan bekerja keras dan menolong jiran dalam pelbagai hal seperti acara kenduri, membuat rumah dan sebagainya. Maka Pak Dollah ini dikenali sebagai seorang yang tahu membalas budi. Pandangan orang Melayu Kelulut terhadap budi ini menyatakan bahawa mereka adalah golongan yang memegang nilai nenek moyang yang terjelma dalam peribahasa 'ada ubi ada batas, ada budi ada balas' dan 'kalau sudah menuai, ingatlah pada beliung'.

Sebaliknya orang yang malas atau enggan membalas budi orang lain, walaupun dia berkemampuan, sering diketepikan atau dipandang rendah oleh masyarakat kerana dia merupakan orang yang tidak mengenang budi (jasa) orang lain. Orang Melayu Kelulut menegaskan juga tentang betapa pentingnya membalas budi dan jasa ibu bapa. Oleh yang demikian, anak yang tidak tahu membalas budi

dan jasa ibu bapanya dianggap sebagai orang yang tidak jadi 'orang'. Justeru, sejak kecil lagi anak-anak dikehendaki mengikut arahan dan nasihat ibu bapanya sebagai tanda hormat kepada mereka. Maka anak yang melawan ibu bapa, seperti meninggikan suara, terhadap ibu bapa dianggap anak derhaka.

#### 4. 3. 2 Bahasa

Orang yang berbahasa memiliki segala kualiti yang berkaitan dengan sikap dan tabiat baik ketika bercakap. Sifat ini bukan sahaja tinggi harganya pada tahap individu sebaliknya sangat bermakna di kalangan masyarakat kerana individu menggunakan bahasanya untuk berkomunikasi. Masyarakat Melayu Kelulut sangat menegakkan sikap berbahasa kerana mereka menyedari betapa pentingnya bahasa dalam kehidupan dan pergaulan. Kerana itu bahasa melambangkan perangai atau sifat seseorang individu. Lantaran itu seseorang individu yang berbahasa adalah (i) 'orang' yang bercakap dengan sopan santun dan (ii) 'orang' yang menggunakan bahasa dengan baik.

Faktor berbahasa ini berkaitan juga dengan sikap orang bercakap hal yang benar dan tidak berbohong. Orang yang berbahasa tidak suka berbohong dan tidak juga menceritakan kelemahan dan keburukan orang lain. Dengan itu, orang Melayu Kelulut menghargai sikap berbahasa Pok Peng bukan kerana statusnya sebagai ketua kampung tetapi kerana dia menggunakan bahasa yang halus dan tertib kepada semua orang Kelulut. Maka orang yang berbahasa adalah orang yang beradab dalam penggunaan bahasa, salah satu contoh ialah orang yang memberi salam apabila berjumpa orang lain. Orang Melayu Kelulut sangat mengambil berat tentang kesejahteraan orang kampung dengan cara mengucap dan berkirim salam. Mereka sering bertanya orang lain tentang khabarnya dan keluarganya, keadaan kerjanya dan sebagainya. Sikap ini berkaitan dengan sikap peramah kerana orang

peramah adalah rajin bertegur sapa dengan orang lain untuk memesrakan hubungannya. Tingkah laku yang bertegur sapa adalah salah satu contoh berbahasa kerana bahasa adalah alat untuk berkomunikasi dan berinteraksi sesama anggota masyarakat.

"Kalu orang lalu rumah kita, tegurlah dia, mana pegi, apa hal singgahlah kejap." (Mohamad Noor bin Abu Bakar)

Sifat yang tidak baik dari segi berbahasa ialah berbohong, bercakap kotor, bercakap yang bukan-bukan dan mengumpat orang lain. Sikap ini dianggap sangat hina kerana sikap ini berkaitan dengan hati busuk, dengki dan irihati. Sikap ini mengandungi niat untuk menjatuhkan maruah orang lain dengan mencemar nama baiknya. Oleh yang demikian, orang yang bercakap hal yang jijik atau kotor dipandang rendah kerana tingkah laku tersebut mencerminkan jiwa orang itu dan perangainya yang keji dan tidak senonoh. Misalnya seorang pakcik yang berumur 40-an adalah rajin bekerja dan suka bekerja sama dengan orang lain dalam hal-hal penting, tetapi dia sering menggunakan bahasa kasar. Apabila dia bercakap dia tidak menapis bahasa dan tutur katanya lalu bahasanya sering tidak sedap didengar, jijik atau kotor. Walaupun keadaan ekonominya kukuh, bersifat rajin dan dia tidak pernah berbuat jahat kepada orang lain, tetapi dia dinilai rendah dari segi bahasa kerana sifatnya yang tidak berbudi bahasa. Sehubungan ini, orang Melayu Kelulut berpendapat bahawa pendidikan dan pengasuhan ibu bapa kepada anaknya boleh dilihat melalui percakapan seseorang anak itu. Anak yang berbudi dan berbahasa dengan wajar disukai oleh masyarakat kerana dia menyenangkan hati orang yang berhadapan dengannya. Sebaliknya anak yang tidak tahu berbudi dan berbahasa dianggap sebagai orang yang memalukan bukan sahaja keluarganya tetapi juga masyarakatnya.

Mengumpat orang lain juga satu kualiti yang buruk. Ini disebabkan sikap orang mengumpat adalah mencerminkan jiwa orang yang kotor dan busuk. Terdapat seorang makcik yang suka mengumpat orang lain. Makcik itu berumur 30-an dan berwajah cantik serta berbadan kecil. Dia sering tersenyum manis dan melayan orang lain dengan baik, tetapi perangnya suka mengumpat itu telah diketahui oleh orang-orang Melayu Kelulut. Walaupun orang lain berbuat baik di hadapan makcik tersebut, tetapi mereka berhati-hati semasa bercakap dengannya kerana mereka menganggap makcik itu sering mencari pasal dengan memperkata hal seseorang dan menghebohkannya kepada seluruh masyarakat Kelulut. Anggapan orang Melayu Kelulut terhadap makcik tersebut boleh menerangkan kewujudan nilai berbahasa yang diturunkan kepada orang Melayu kini melalui peribahasa 'mengumpat pagi, mengeji petang, lalat buta pun tak mahu singgah.'

#### 4. 3. 3 Sopan Santun

Pada pandangan orang Melayu Kelulut, sifat sopan santun diwakili oleh tingkah laku lemah lembut dan beradab. Sopan santun ini adalah tingkah laku seseorang yang menyedari kedudukan dan kewajibannya sebagai seorang manusia dan menjalankan kehidupan mengikut keadaan itu. Justeru sopan-santun menyatakan tiga ciri utama iaitu (i) 'orang' yang beradab (ii) 'orang' yang bersosial iaitu lemah-lembut dan ramah (iii) 'orang' yang menghormati orang tua dan merendahkan diri. Ciri-ciri ini menjadi panduan tingkah laku anggota-anggota masyarakat Melayu Kelulut. Setiap anggota masyarakat perlu mematuhi panduan tersebut. Sikap bersopan santun sangat diperlukan kerana sikap ini merangkumi aspek menjaga maruah sendiri seperti mendisiplinkan diri, bertingkah laku tertib dan tidak membiarkan diri melakukan mengikut hawa nafsu. Seorang responden memperluaskan skop sopan santun seperti berikut ;

"Beca'kap lembut, beperangai elok, dudok dia teratur, makang dia elok-elok, masa makang dudok simpul, dok minum sambil berdiri, kalau dia nok makang, dia siap dulu, beradap, tahu hormat diri sendiri dilatih oleh keluarga diri sendiri, penoh tertib." (Cik Gal)

Lantaran itu kanak-kanak sering ditegur oleh orang lain sekiranya mereka tidak bersopan santun. Misalnya, orang Melayu Kelulut tidak berpuas hati dengan pakaian yang tidak senonoh, cakap yang kasar dan sikap yang tidak hormat kepada orang tua. Dalam keadaan begini, orang yang dipersalahkan ialah ibu bapa mereka kerana tingkah laku anak-anak dibentuk melalui asuhan dan didikan keluarga dan mereka itu menjadi orang yang tidak baik. Orang Melayu Kelulut tidak suka campur tangan dalam hal ehwal orang lain kecuali orang itu adalah keluarga terdekat atau hal orang itu berkaitan dengannya secara langsung. Orang yang selalu campur tangan dalam hal ehwal orang lain atau perkara yang tiada kena mengena dengan dirinya sendiri diibaratkan sebagai 'jaga tepi kain orang' atau 'penyibuk'. Tetapi, jiran atau sanak saudara sering menegur terhadap kesalahan atau kesilapan seseorang budak dalam keluarganya kerana mereka menganggap teguran itu adalah tanggungjawabnya sebagai orang yang sekeluarga dan yang lebih berumur tua. Namun demikian orang yang menegur itu hendaklah bersikap lembut supaya tidak menyakitkan hati orang lain. Oleh itu orang yang lebih tua memilih cara yang lembut atau tidak langsung memberi nasihat kepada orang muda kerana mereka tidak mahu anak muda merasa malu oleh teguran tersebut. Mereka berpendapat bahawa teguran yang terus terang boleh menjejaskan hubungan baik di antara anggota masyarakat. Justeru itu orang Melayu Kelulut jarang bersikap terus terang terhadap kesilapan atau kesalahan orang lain kerana mereka tidak mahu menyakitkan hati orang lain atau membuat orang lain tersinggung.

Menurut Edgerton (1971 : 271-283), petani harus menyembunyikan atau menahan perasaan kemusuhan terhadap orang lain khususnya jiran kerana dia dan jirannya terikat dengan tanah dan mereka tidak boleh berpindah-randah. Sebaliknya penggembala lebih senang berpindah dan mereka berpisah dengan orang atau kumpulan lain kalau perselisihan berlaku antara mereka. Oleh yang demikian, terdapat lebih banyak ilmu hitam dalam masyarakat pertanian di mana kebencian atau kemarahan tidak boleh diluahkan secara terbuka seperti dalam masyarakat penggembala atau pastoral. Fenomena ini boleh dihuraikan dalam masyarakat Melayu Kampung Kelulut kerana mereka mempunyai sub-budaya masyarakat luar bandar atau masyarakat pertanian yang lebih mementingkan perhubungan antara dan sesama anggota. Barnaouw menegaskan sifat petani yang 'introvert' dan memberi sebabnya ;

"The farmer must repress or suppress his hostility, because he and his neighbors are tied to the land ; they cannot move away. Pastoralists have more mobility and can separate if a quarrel breaks out. There is, therefore, less inhibition in pastoralists' expression of feelings. Resort to witchcraft would be more likely in farming community, where hatred cannot be expressed as openly as in a pastoral society." (Barnaouw, 1989 : 194)

#### **4. 4 Nilai Perpaduan**

Semua anggota masyarakat menjalani kehidupan masing-masing dengan berinteraksi antara satu sama lain. Seseorang individu tidak boleh menjalani kehidupannya tanpa pergaulan dan kerja sama dengan anggota lain. Oleh itu, semua anggota masyarakat dikehendaki memiliki kemahiran untuk bersosial supaya mereka dapat berinteraksi dengan licin untuk mencapai matlamat yang ditetapkan. Nilai perpaduan ialah faktor yang membolehkan seseorang bercampur-gaul dengan orang lain. Seseorang anggota masyarakat dikehendaki bercampur-gaul dengan anggota-



anggota lain dalam pelbagai ritual dan peristiwa dalam masyarakat dan diharapkan dapat menyesuaikan diri dengan ahli masyarakat. Oleh itu, sikap bercampur-gaul dalam masyarakat juga merupakan salah satu kriteria untuk menjadi 'orang' dalam masyarakat Melayu Kelulut. Faktor-faktor perpaduan sosial yang diperlukan ialah sifat ramah tamah dan kerja sama atau tolong-menolong serta semangat kekitaan.

#### 4. 4. 1 Peramah

Sifat ramah ini boleh dibahagikan kepada tiga, iaitu (i) 'orang' rajin bersalam, (ii) 'orang' banyak cakap tentang hal-hal yang baik sahaja dan (iii) 'orang' yang melayan orang lain dengan baik. Sifat peramah ini menjadi kriteria untuk menilai seseorang individu tetapi sifat peramah bukan sahaja syarat untuk menjadi orang baik tetapi juga syarat untuk menjalinkan hubungan baik dengan anggota lain dalam masyarakat.

"Kalu jumpa orang tegurlah, tanya khabo dia, kerja dia, keluarga dia dan ke mana pegi... ini tunjuk mesra. (Jusuh b. Ali)"

Dengan itu seseorang yang tidak rajin (malas) memberi salam kepada orang lain dianggap sebagai orang sombong dan tidak boleh menjalinkan hubungan yang mesra dengan jiran dan rakan sekampung.

"Baik sama jiran, layan orang dengan molek, bertegur sapa."  
(Sulong binti Ali)

Pandangan responden di bawah menyatakan bahawa sifat sombong boleh menimbulkan perasaan tersinggung, benci, cemburu dan sebagainya. Oleh kerana itu, sifat sombong sering menjejaskan hubungan antara orang, keharmonian, kedamaian dan perpaduan, dan mereka sangat membenci sifat sombong walaupun

orang yang sombong itu berkedudukan tinggi dan berkemampuan. Ini kerana keharmonian dan perpaduan antara anggota-anggota masyarakat adalah suatu cara yang baik untuk mengekalkan kedamaian masyarakat.

"Orang sombong, megoh, besar diri, tinggi diri, angkuh, dok layan orang, masam muka." (Abdullah bin Abdul Hadi)

Misalnya, seorang cikgu sekolah yang berpendapatan tinggi dan mendapat kehormatan masyarakat tetapi beliau dicemooh kerana tidak bercampur gaul dengan ahli masyarakat dalam komuniti Kelulut. Beliau juga jarang bertegur sapa dan dianggap sebagai orang sombong dan meninggikan diri sendiri. Terdapat beberapa kes lain tentang orang sombong di Kampung Kelulut. Kebanyakan mereka adalah orang yang senang dan berpangkat tetapi terlalu berbangga terhadap diri sendiri. Contohnya seorang makcik yang memiliki kedai menjual ikan kering selalu menjadi buah mulut orang kampung kerana dia sering menyakitkan hati orang lain dengan sikap sombongnya. Makcik tersebut berasal dari keluarga yang berada dan secara relatif berpendidikan tinggi, iaitu sampai tingkatan 3. Keadaan ekonomi keluarganya juga boleh dikira senang. Tetapi dia bersikap sombong dan meninggikan diri bukan sahaja di depan orang yang diupah olehnya untuk menjemur ikan dan udang tetapi juga terhadap sesiapa sahaja termasuk jiran, yang singgah di rumahnya. Oleh itu, makcik tersebut memiliki sifat yang menjejaskan hubungan baik di antara orang sekampung. Orang Melayu Kelulut mengatakan mereka akan merasa tersinggung kalau orang yang berkenalan atau berhadapan dengannya tidak bercakap dan tidak mesra dengannya, kerana dia berfikir bahawa orang yang berhadapan itu tidak menyukainya atau merasa kecil hati dengannya. Orang tersebut akan dianggap sebagai orang yang sombong. Walaupun seseorang individu tidak bersifat sombong, kalau dia mendiam diri saja, dia boleh dianggap tidak mahu bergaul dengan orang lain dan sombong.

"Peramah lebih suka, kalau pendiam orang ingat sombong."  
(Abdullah bin Said)

Walaupun sifat peramah itu sifat yang dianggap baik, tetapi tingkah laku mesti ada had dan batasan. Ini dikaitkan dengan sifat sederhana dalam perbualan. Dengan kata lain, orang Melayu Kelulut yang bercakap terlampau banyak, terutama bercakap tentang hal orang, dia dianggap orang tidak baik. Pada mereka seorang peramah ialah orang yang bersifat ramah berhadap orang lain, tetapi tidak mengumpat orang lain. Orang Melayu Kelulut menekankan pentingnya kandungan perbualan orang kerana mengumpat orang lain adalah sikap orang yang tidak jadi 'orang'.

"Peramah dan banyak mulut tapi dok ca'kap pasal orang itu baik."  
(Endut bin Said)

Justeru mereka tidak menggalakkan orang bercakap terlalu banyak sehingga asyik berjalan-jalan 'membawa mulut' tanpa membuat kerja lain yang lebih berfaedah. Misalnya, seorang surirumah suka bercakap dan bergaul dengan orang lain sehingga dia tidak berapa peduli urusan rumahtangga. Walaupun dia baik dengan orang lain, dia dianggap sebagai orang yang tidak mengerjakan tanggungjawab sendiri.

"Orang Melayu lebih suka peramah, bukan banyak mulut. Daripada pendiam, peramah senang begaul, pendiam susah nok tahu perangai dia. Kalau orang banyak mulut, suka jalan ke mana-mana dan suka ca'kap pasal orang, dok baik." (Cik Gal)

Sifat pendiam pula adalah berlawanan dengan sifat ramah. Walaupun sifat pendiam itu tidak digalakkan tetapi sifat itu tidak memburukkan dan tidak menjejaskan ketenteraman orang lain. Terdapat seorang pakcik yang tidak banyak cakap tetapi dia dianggap baik kerana dia sering menolong orang yang susah dan sentiasa bekerja sama dengan orang lain. Oleh yang demikian, pakcik ini dianggap

baik dan sifat pendiam itu dianggap sebagai sifat semulajadi. Tetapi orang Melayu Kelulut mengatakan seseorang yang tidak bercakap tidak boleh diketahui sifat orang itu dan dengan itu dia tidak boleh dipercayai kerana dia begitu menyembunyikan segalanya dalam hatinya.

Unsur ramah dan mesra ini boleh difahami dengan lebih jelas lagi dalam konteks ziarah-menziarah. Tuan rumah yang diziarahi rakan dikehendaki menyambut rakannya dengan baik dan bercakap banyak sikit supaya kelihatan sifat mesranya terhadap orang yang mengunjunginya. Kalau tuan rumah tersebut tidak bercakap dan tidak mesra terhadap orang yang berziarah dia dianggap sombong dan tidak menghormati tetamu. Penziarah menganggap bahawa kedatangannya tidak diterima baik. Orang Melayu Kelulut membezakan layanan 'molek' <sup>5</sup> mereka mengikut hubungan dengan orang yang ada di hadapan mereka. Kalau orang yang berjumpa dengannya itu adalah orang yang sudah lama berkenalan dan hubungan dengannya rapat, mereka hendak berbual-bual dengannya dan meluangkan masa secukupnya untuk orang tersebut. Kalau orang yang mengunjunginya di rumah itu adalah orang kampung atau orang yang telah lama berkenalan, tuan rumah hendaklah menjemputnya naik ke anjung rumah dan memberi air minuman untuknya. Walaupun yang dihidangkan hanya air sahaja, tetamu itu berasa kehadirannya disambut dengan baik dan dilayan dengan molek. Misalnya seorang penjaja kain dan perkakas rumah yang telah 10 tahun lebih menjaja kain dan barang-barang dari rumah ke rumah diberi layanan molek walaupun dia tidak tinggal di Kampung Kelulut dan tidak ada yang kena mengena (dari segi kekeluargaan) dengan orang Melayu Kelulut. Ini kerana orang Melayu Kelulut telah menilai dan mengenalpasti perangnya dan menerimanya sebagai orang yang dikenali. Dalam konteks ini, sikap orang Melayu Kelulut terhadap orang sangat bergantung kepada keadaan sama ada dia kenal atau tidak. Kalau orang yang mengunjungi rumah itu adalah orang luar, mereka jarang mengizinkan orang itu naik ke anjung kecuali mereka mengenal pasti tujuan kunjungan orang luar itu. Ini berkaitan dengan perasaan dan sikap segan

orang Kelulut terhadap orang luar. Mereka meluahkan perasaan segan apabila tidak berkenalan dengan orang luar dan tidak mengetahui asal usul orang luar sehingga mereka mengetahui perangai orang luar itu.

"Kalu baru jumpa orang segang sikit sebab belum tahu perangai dia, ...tengok kelakuan dulu, kalu kenal lama boleh jadi mesra."  
(Mohd. Robi Mat Zin)

Pengkaji sendiri memerhatikan perkara tersebut dan mengalami perbezaan layanan orang Melayu Kelulut menurut tahap kenal, iaitu mereka membezakan layanan terhadap orang lain menurut perhubungan mereka dan jangka masa perkenalan mereka. Semasa pengkaji baru memasuki Kampung Kelulut, layanan mereka berbeza. Sebelum pengkaji menjadi anak angkat kepada keluarga Pok Peng dan Pok Hamzah penduduk Kampung Kelulut mengetahui bahawa pengkaji adalah orang asing yang duduk bersama mereka untuk mempelajari budaya dan cara hidup mereka. Mereka menganggap kerja pengkaji agak aneh kerana bagi mereka pengkaji selalu berjalan-jalan sambil bersembang-sembang dengan orang Kampung, mengambil gambar kegiatan orang kampung, mengikut cara hidup orang kampung, selalu datang ke kenduri dan majlis serta mencatat butir-butirnya. Orang Melayu Kelulut melayan pengkaji dengan beradab tetapi mereka tidak membuka hati atau bersikap segan kepada pengkaji kerana pengkaji adalah orang luar yang belum diketahui latar belakang dan perangainya dan tidak pula bersangkutan paut (dari segi kekeluargaan) dengan sesiapapun dalam Kampung Kelulut. Tetapi selepas dua keluarga dalam Kampung Kelulut sudi menerima pengkaji sebagai anak angkat dengan tujuan memberi perlindungan untuk pengkaji yang datang dari jauh telah membolehkan pengkaji diterima oleh orang Kelulut sebagai anggota masyarakat.

Setelah lebih kurang dua bulan pengkaji tinggal di situ dan setelah menjadi anak angkat keluarga dihormati, mereka melayan pengkaji dengan mesra. Mereka sudi meluangkan masa yang panjang untuk menjawab persoalan-persoalan

yang pengkaji kemukakan dan sering menjemput pengkaji dalam upacara-upacara serta kenduri yang dilaksanakan dalam masyarakat. Salah satu peristiwa yang tidak boleh diketepikan ialah apabila pengkaji diterima sebagai anggota masyarakat Kelulut kerana pengkaji memeluk agama Islam dan bersuamikan orang Islam. Menjadi anak angkat keluarga Pok Peng dan Pok Hamzah dan beragama Islam adalah salah satu titik tolak bagi pengkaji diterima sebagai 'we group' mereka.

Satu lagi contoh ramah dan mesra adalah dalam aspek gurauan di antara anggota masyarakat. Orang Melayu Kelulut menggunakan gurauan sebagai suatu alat untuk menimbulkan kemesraan antara anggota-anggota masyarakat. Biasanya mereka bergurau senda, usik-mengusik dan berseloroh dengan orang lain demi menghilangkan ketegangan antara orang atau menunjukkan kemesraan terhadap orang yang diusik. Kalau seseorang individu mengambil hati tentang gurauan orang lain dan bertindak secara negatif, orang lain tidak akan bergurau lagi dengannya dan menganggap orang itu sebagai sombong atau orang berpandangan sempit.

"Suka bergu'ra, usik-usik semulajadi, kalu dok boleh bergu'ra, dia dianggap sombong. Tujuan bergu'ra ialah untuk mesra dan merapatkan hubungan. Bergu'ra pun mengikut taraf dan tempat."  
(Cik Gal)

Walaupun orang Melayu Kelulut suka usik-mengusik dan bergurau senda, mereka selalu memperingatkan supaya jangan melepasi hadnya kerana usikan dan gurauan senda yang melampau boleh mengecilkan hati orang yang berkenaan kerana orang tersebut boleh merasa dihina oleh usikan atau gurauan itu. Oleh itu, orang Melayu Kelulut bergurau senda dengan orang yang boleh memahami maksud gurauan. Orang itu tidak akan tersinggung kerana mereka sudah lama mengenalinya. Orang Melayu Kelulut jarang usik-mengusik orang yang tidak berapa dikenali atau orang yang berpangkat tinggi atau orang yang disegani oleh masyarakat seperti Tok Imam dan ustaz kerana lazimnya usikan atau gurauan itu ada

had. Orang Melayu Kelulut berpendapat bahawa gurauan atau usikan yang tidak sesuai adalah dengan orang yang tidak setaraf dengannya. Pada masa yang sama orang Melayu Kelulut membezakan perbuatan bergurau dan perbuatan sindir dengan jelas. Mereka menyifatkan gurauan sebagai tingkah laku yang bertujuan baik, sementara sindiran itu dianggap perbuatan yang berhajat jahat atau tidak mulia kerana sindiran itu selalunya digunakan untuk menyakitkan hati orang lain.

"Kalu orang lain itu kita ca'kap apapun dok ambil hati dan dok kecil hati, boleh bergu'ra,.. untuk suka saja, tujuan baik.. mesra, rapat.." (Endut bin. Said) \*

#### 4. 4. 2 Kerja sama dan Tolong-Menolong

Dari segi nilai kerja sama dan tolong-menolong terdapat dua contoh konsep 'jadi orang', iaitu (i) orang yang sudi bekerja sama dengan orang lain dan (ii) orang yang menjalankan tanggungjawab dalam masyarakat. Kerja sama dan tolong-menolong telah menjadi pegangan orang Melayu Kelulut, khususnya dalam pelbagai hal kehidupan mereka baik dari segi ritual maupun segi kegiatan ekonomi. Orang Melayu Kelulut mengamalkan kerja sama dan tolong menolong dalam peristiwa-peristiwa yang berkaitan dengan kegiatan ekonomi seperti menanam tembakau, mengorek<sup>6</sup>, dan memetik daun tembakau dan juga peristiwa-peristiwa ritual seperti kenduri, majlis kahwin, upacara 'rite de passage' lain dan sebagainya. Suasana sedemikian membuktikan pentingnya nilai kerja sama dan tolong-menolong yang diwarisi oleh nenek moyang melalui peribahasa 'ringan sama dijinjing, berat sama dipikul.' Orang Melayu Kelulut menjadikan sikap tolong-menolong dan bekerja sama sebagai amalan hidup mereka, maka hubungan mereka menjadi lebih erat dan kukuh. Oleh itu, sikap suka bekerja sama sering dijadikan salah satu kriteria untuk menilai seseorang individu.

"Orang yang berjiran baik, dan berguna pada orang lain dan masyarakat." (Muhammad bin Said)

Latar belakang kewujudan semangat kerja sama atau gotong royong ini boleh dilihat dari segi hubungan sosial antara anggota masyarakat Melayu Kelulut. Penduduk-penduduk di sini mempunyai perhubungan darah sesama mereka kerana mereka mempunyai nenek moyang yang sama. Mereka adalah berasal daripada keturunan lima orang pengasas kampung itu.<sup>7</sup> Jadi, kebanyakan orang Kelulut boleh dikatakan adalah bersaudara sama ada dekat atau jauh. Oleh demikian, kalau suatu keluarga membuat kenduri kahwin, perkara itu bukan sahaja hanya hal untuk keluarga berkenaan tetapi juga boleh dianggap perkara sendiri oleh ramai keluarga lain kerana mereka adalah satu keluarga besar. Dengan itu, amalan kerja sama dan gotong royong adalah perkara yang biasa antara saudara mara yang tinggal dalam kampung yang sama. S. Hussin Ali menjelaskan latar belakang kewujudan hubungan rapat di antara anggota-anggota masyarakat Melayu seperti berikut ;

"among the lower class there was an important locality unit in the village, which indicated close kinship ties between some of its members. On the basis of these social ties many activities were carried out by members of the same village, such as mutual assistance and feasting, and various forms of cooperation in the economic field. Besides that, they also participated in rituals that were organised amongst themselves... With these social ties and mutual participation in ritualistic and economic activities, the relations among members of the village were further consolidated."  
(S. Husin Ali, 1981 : 62)

Dalam masyarakat Melayu Kelulut, kerja sama antara anggota masyarakat adalah perkara yang mustahak. Ini kerana latar belakang masyarakat dan struktur masyarakat Melayu Kelulut yang luar bandar dan pertanian. Mereka memerlukan tenaga manusia untuk menjalankan kegiatan ekonomi. Masyarakat



pertanian dari satu segi, seperti Kampung Kelulut, lebih bergantung sesama anggota kerana mereka tidak boleh menjalankan kegiatan ekonomi tanpa bantuan orang lain pada beberapa masa yang tertentu seperti musim memetik daun tembakau dan 'mengorek'. Kerja sama tersebut mempunyai dua cara untuk membalasnya, iaitu cara membayar upah atau membalas dengan kerja. Misalnya kalau seseorang menolong kerja jiran dalam kegiatan ekonomi seperti mengorek atau memetik daun tembakau, dia boleh mendapat upah sebanyak 8-10 ringgit sehari. Tenaga manusia sangat diperlukan pada tempoh ini kerana ada musim tertentu untuk membuat kerja itu dan kerja itu perlu disiapkan dalam jangka masa singkat. Oleh itu orang Melayu Kelulut meminta pertolongan daripada jiran dan orang kampung dan dia membayar upah untuk kerja itu. Biasanya dalam musim-musim tersebut ramai surirumah dan remaja menyertai kegiatan ekonomi untuk menyumbang pendapatan rumahtangga atau mendapat wang untuk keperluan sendiri. Selain itu, kerja sama juga diamalkan dalam kegiatan masyarakat yang berkaitan dengan kebaikan atau kebajikan masyarakat seperti membina rumah, balai raya dan sebagainya. Wan Rafaei Abdul Rahman memerhatikan pentingnya ciri gotong-royong yang merangkumi tolong-menolong, kerja sama, muafakat dan perpaduan ;

"Daripada analisis peribahasa ciri gotong-royong yang terdapat dalam masyarakat ialah tolong-menolong, kerjasama, penerimaan keputusan hasil muafakat, perpaduan dan ciri kerjasama dalam pergaulan.... Daripada masyarakat Adat Perpatih terbayang juga ciri-ciri yang menekankan muafakat. Ciri gotong-royong termasuklah tolong-menolong, timbang rasa, persefahaman, bahagi-membahagi, perpaduan, kesamaan dan kepatuhan. Aktiviti seperti 'bantai' dan 'menyeraya' melambangkan konsep gotong-royong itu. " (Wan Rafaei Abdul Rahman, 1993 : 112)

Justeru itu orang luar yang menetap di Kampung Kelulut lebih menegaskan sikap kerja sama dan tolong-menolong kerana mereka tidak ada saudara mara yang sudi menolong dalam hal-hal seperti kenduri, upacara dan sebagainya.

Wan Abdul Halim Othman juga menegaskan keperluan kerja sama khususnya untuk orang yang menetap tempat yang jauh dari keluarga sendiri.

"Bagi mereka yang tinggal berjauhan dan tidak berhubungan dengan keluarga luas, semangat kejiranan dan hubungan angkat dapat menggantikan dan melemahkan hubungan kekeluargaan."  
(Wan Abdul Halim Othman, 1993 : 96)

Cara lain untuk membalas bantuan orang terdapat dalam peristiwa-peristiwa yang berkaitan dengan ritual atau majlis. Misalnya, kalau suatu keluarga telah mendapat bantuan daripada keluarga jiran semasa membuat kenduri kahwin anaknya, keluarga yang terhutang itu dikehendaki membalasnya apabila keluarga jiran itu menghadapi perkara yang lebih kurang sama. Kalau seseorang individu yang tidak bekerja sama atau tidak mahu menolong orang lain, dia akan menghadapi kesusahan apabila dia melaksanakan peristiwa yang istimewa seperti kenduri, pengkebumian dan sebagainya kerana orang lain berfikir bahawa menolong orang tersebut adalah perbuatan yang sia-sia. Seorang responden meluahkan isihatinya terhadap orang yang tidak membalas bantuan orang lain seperti berikut ;

"Ala, kita buat kerja, ia dok peronoh tolong, buat apa kita nok susah-susah tolong dia, bila dia nok kerja apa-apa, orang dok mahu tolong dia, sebab dia dok suka tolong orang." (Cik Gal)

Berdasarkan keadaan Kampung Kelulut, sikap rajin dan pandai dinilai tinggi kerana sikap ini berguna dan berfaedah untuk sikap tolong-menolong dalam masyarakat. Sikap rajin bukan sahaja menjadi satu kriteria untuk menilai seseorang individu tetapi juga menjadi satu syarat yang mustahak untuk menjalankan kehidupannya sendiri.

"Orang kampung rajin, kalau malas susah. Sebab dia orang susah, mesti rajin." ( Abdullah bin Said)

Dalam konteks ini sifat rajin bukan hanya bermaksud sifat yang menjalankan kerja sendiri untuk menanggung keluarga tetapi juga sifat yang rajin bercampur dengan masyarakat dan berusaha menjadi berguna dalam kehidupan masyarakat. Oleh yang demikian, orang Melayu Kelulut memandang rendah terhadap sikap malas seseorang. Khususnya masyarakat Melayu Kelulut sebagai masyarakat pertanian yang memerlukan orang yang rajin dan berusaha dengan tekun dalam kerjanya. Orang malas digolongkan kepada orang yang tidak bertanggungjawab dan orang yang tidak boleh diharapkan kerana orang malas tidak mendapat hasil yang cukup untuk keluarga kerana hasil itu bergantung kepada usaha dan ketekunan mereka dalam kerja. Selain itu, agama Islam pun mengejikan sifat malas dan sifat tidak bertanggungjawab.

#### **4. 4. 3 Semangat Kekitaan**

Orang Melayu Kelulut mempunyai perasaan khusus terhadap orang yang berasal dari satu golongan seperti sesama kampung, sesama agama, sesama orang susah dan sebagainya. Seandainya seseorang yang baru kenal itu berasal dari kampung yang sama, hubungan mereka segera menjadi rapat kerana mereka mempunyai perasaan kekitaan yang kuat. Orang Melayu Kelulut berusaha mengekalkan kesederhanaan dalam semua peristiwa, iaitu tingkah laku, percakapan, pendapatan, pelajaran, dan perbelanjaan. Sebaliknya, seseorang yang keluar dari lingkungan kekitaan, iaitu orang yang cuba menunjukkan kelebihan atau mendapat lebih daripada orang lain boleh menimbulkan perasaan dengki dan irihati. Selain itu, ajaran Islam yang diikutinya juga memainkan peranan penting dalam menyatupadukan masyarakat dan memupuk semangat kekitaan di kalangan anggota-anggota masyarakat. Hubungan yang sangat rapat di antara orang Melayu Kelulut itu bukan hanya kerana mereka berasal daripada satu nenek moyang, tetapi juga

kerana mereka menganggap orang lain sebagai saudara seagama. S. Hussin Ali menegaskan pentingnya agama dalam kehidupan masyarakat Melayu sebagai berikut;

"Islam has become an important factor for promoting social relations, and its significance in maintaining unity and solidarity at the village level can not be underestimated." (S. Husin Ali, 1981 : 48)

Semangat kekitaan ini sangat mementingkan keharmonian dan keharmonian adalah berkaitan dengan sifat perikemanusiaan, sederhana dan murah hati. Oleh itu, 'orang' dari segi unsur semangat kekitaan adalah (i) orang yang bermurah hati, (ii) orang pemaaf dan (iii) orang yang rendah diri serta bersikap sederhana.

#### 4. 4. 3. 1 Murah Hati

Orang Melayu Kelulut mementingkan hubungan sesama manusia dalam menilai seseorang individu. Sifat perikemanusiaan merupakan dasar dan sikap seseorang terhadap orang lain. Orang yang berperikemanusiaan menyayangi orang lain dan berusaha memahami orang lain. Dia bersedia menolong orang lain dalam pelbagai keadaan. Orang seperti ini tidak membezakan antara orang kaya dengan orang miskin kerana semua orang dipandang sama dari segi perikemanusiaan dan juga dari segi agama. Berdasarkan perikemanusiaan ini timbul sifat murah hati yang sudi menolong orang. Justeru itu orang Melayu Kelulut sangat mementingkan sifat murah hati dalam menilai orang kerana sifat ini mengakibatkan sikap orang tersebut terhadap orang lain. Orang pemurah tidak tamak terhadap apa yang dimilikinya. Sebaliknya dia mahu menikmati kesenangan atau keselesaan bersama dengan orang lain.

"Orang Melayu ada perikemanusiaan yang suka menolong, memberi bantuan (belas kasihan) buat baik pada orang luar dari segi agama." (Abdullah bin Abdul Hadi)

Orang Melayu Kelulut juga mempercayai bahawa kalau seseorang itu bermurah hati dia boleh mendapat pahala. Maka orang yang murah hati dipuji bukan sahaja kerana sikapnya dipandang mulia tetapi juga kerana orang tersebut dianggap layak menerima banyak pahala di akhirat kelak. Oleh yang demikian, orang Melayu Kelulut digalakkan membuat banyak sedekah dan bahagi-membahagi sesuatu sesama mereka.

"Kalu orang yang susah, murah hati pada orang yang lebih susah, orang yang murah hati itu dapat pahala baik." (Mohd. Noor bin Abu Bakar)

Orang Melayu Kelulut merasa bersyukur jika ada kemampuan untuk menolong orang yang susah. Dia membantu orang lain dengan ikhlas dan senang hati. Ini menunjukkan bahawa orang Melayu Kelulut sentiasa mempunyai sifat perikemanusiaan atau sifat belas kasihan.

"Orang yang suka tolong orang susah atau orang yang perlukan pertolongan, boleh dianggap sebagai orang murah hati." (Ara binti Mamat)

Dalam Kampung Kelulut, terdapat keluarga-keluarga yang tidak mempunyai cukup wang untuk anggota keluarga seperti keluarga yang diketuai oleh seorang janda yang mempunyai ramai anak, keluarga yang dianggotai oleh orang tua perseorangan sahaja, keluarga yang diketuai oleh seorang cacat yang tidak mampu mencari rezeki dan orang yang ditimpa kemalangan. Anggota-anggota keluarga tersebut bukannya malas mencari rezeki sendiri tetapi mereka tidak berdaya untuk bekerja. Orang Melayu Kelulut meluahkan perasaan simpati (belas kasihan) dan

bersedia menolong orang tersebut walaupun kehidupan mereka sendiri tidak mewah. Oleh itu, orang yang bernasib baik dan hidup senang adalah orang yang berada dalam kedudukan yang berkemampuan dan bertanggungjawab untuk membantu orang susah. Bantuan tersebut boleh menimbulkan kebaikan dan semangat kekitaan yang kuat antara anggota masyarakat. Maka perpaduan masyarakat mudah tercapai.

"Orang suka beri sedekah pada orang susah. Kalau dia ada lebih daripada dia perlu, dia beri pada jiran atau orang susah." ( Hitam binti Ismail)

Sifat murah hati juga berkaitan dengan sifat pemaaf. Sifat pemaaf ini merangkumi kefahaman terhadap sikap atau tingkah laku orang yang dianggap tidak betul. Orang Melayu Kelulut mengatakan bahawa orang pemaaf cepat mengampunkan kesalahan atau kesilapan orang lain. Sifat pemaaf ini boleh dicapai melalui keimanan yang tinggi. Sifat pemurah dan pemaaf ini boleh diperhatikan pada Hari Raya Puasa kerana pada hari ini orang Melayu Kelulut meminta maaf kepada orang kampung dan memaafkan kesalahan orang lain.

"Pemaaf itu sifat orang Melayu, sebab kalau orang minta maaf, mereka cepat maafkan, khususnya pada Hari Raya Puasa " (Mohd. Robi Mat Zin)

Sifat yang berlawanan dengan sifat murah hati adalah sifat kedekut. Orang Melayu Kelulut menilai tinggi perbuatan murah hati dan memandang rendah terhadap orang yang tamak dan kedekut. Orang kedekut biasanya terlalu menyayangi harta benda sendiri sehingga dia enggan mengeluarkan perbelanjaan secara wajar seperti membantu individu yang memerlukan. Selain itu, ada juga orang kedekut tenaga. Misalnya dia tidak suka memberi bantuan atau sumbangan kepada anggota lain atau masyarakat. Orang jenis ini tidak sama dengan orang malas kerana dia tidak bersifat malas terhadap hal sendiri tetapi dia berat tulang untuk menolong orang lain. Orang jenis ini ada kaitan dengan orang yang

mementingkan diri sendiri kerana dia bekerja keras untuk kebaikan sendiri tetapi dia tidak mahu memberi sumbangan kepada kerja orang lain.

"Harta kedekut dan berat tulang, tulangpun kedekut ... tolong orangpun kedekut." (Cik Gal)

#### 4. 4. 3. 2 Sederhana

Sifat sederhana ini berasal dari ajaran Islam yang memandang dunia ini sebagai suatu laluan ke jalan yang lebih kekal. Justeru orang Melayu Kelulut tidak terlalu mementingkan harta benda. Malah mereka menggalakkan rakan-rakannya supaya membuang sikap tamak. Berdasarkan ajaran Islam dan nilai-nilai orang Melayu Kelulut terhadap harta benda, orang Melayu Kelulut dikehendaki bersikap sederhana terhadap harta benda dalam dunia ini. Ini merupakan dasar ketenteraman masyarakat yang mengidamkan keharmonian. Sifat sederhana ini merangkumi dua aspek, iaitu kehidupan sederhana atau harta benda dan sikap tidak menonjolkan diri atau rendah diri. Selain itu, kehidupan yang aman dan tenteram dalam suatu masyarakat diakibatkan oleh sikap sederhana yang sesuai dengan standard atau piawai yang ditentukan oleh masyarakat. Walaupun orang Melayu Kelulut bersikap murah hati dan belas kasihan terhadap orang yang dalam keadaan susah, pada masa yang sama mereka merasa iri hati, dengki dan cemburu terhadap orang yang mempunyai terlampau banyak harta dan yang sombong. Orang Melayu Kelulut sangat menilai tinggi dan berasa senang hati terhadap fenomena yang bersifat sederhana, manakala apa yang terlampau ditegur. Seandainya seseorang individu yang berada itu bersikap sopan dan murah hati, perasaan irihati, dengki dan cemburu itu boleh dikurangkan. Oleh itu, orang yang berkemampuan atau berharta dikehendaki bermurah hati terhadap orang susah. Mahathir menegaskan tentang sikap sederhana ini seperti berikut ;

"orang Melayu rata-rata biasanya ingin mengamalkan hidup yang sederhana. Dalam menikmati hidup yang sederhana, sikap terhadap orang lain dan reaksi terhadap keadaan dan alam sekeliling, sentiasa terdapat nilai kesederhanaan ini. Orang Melayu yang baik selalunya merendah diri dan tidak menonjolkan dirinya, tidak mahu memaksakan kemahuannya jika kemahuan itu bertentangan dengan kemahuan orang lain dan sentiasa sahaja sedia berkompromi." (Mahathir, 1981 : 190)

Oleh itu, walaupun seseorang mempunyai banyak harta, kalau dia bermurah hati dan hidup sederhana, dia boleh disayangi oleh orang lain dan dia tidak akan diumpat atau didengki. Abdul Halim Othman dan Md. Shuaib Che Din menegaskan sifat sederhana seperti berikut ;

"Sederhana sebagai satu konsep di sini jelas merupakan satu kriteria yang ideal yang dapat menjamin kesejahteraan seseorang. Ini satu pegangan yang mengingatkan manusia supaya tidak menjadi ekstrem dalam sebarang hal dan tindakan... Secara tidak langsung mekanisme ini adalah ukuran pemikiran dan tingkah laku orang Melayu." (Abdul Halim Othman & Md. Shuaib Che Din, 1993 : 103)

Orang Melayu Kelulut jarang menunjukkan perasaan tidak senang kepada orang lain walaupun sebenarnya dia tidak suka perangai atau tingkah laku orang tersebut. Mereka juga berusaha mengelakkan persengketaan dengan orang lain dalam pelbagai perkara. Orang yang selalu cari pasal atau berkasar kepada orang lain atau terlalu mementingkan diri sendiri boleh dikena sumpahan bomoh. Pengkaji dapat memahami suatu peristiwa berkaitan dengan hal tersebut semasa menjalankan kajian lapangan. Seorang lelaki berumur 40-an dan 'turun laut' dari Kampung Rhu Muda telah meninggal dunia beberapa hari selepas dia mengadu sakit perut. Di kalangan orang Melayu Kelulut, terdapat khabar angin bahawa lelaki tersebut kena sumpahan bomoh yang diupah oleh orang yang berasa dengki terhadapnya kerana dia selalu mendapat hasil yang lebih lumayan daripada rakan-rakannya. Keyakinan orang Melayu Kelulut bahawa lelaki tersebut kena sumpahan



ialah berdasarkan fakta yang lelaki itu tidak pernah pergi ke klinik kerana dia selalu kuat dan sihat. Selain dari kes tersebut, beberapa orang yang meninggal dunia secara tiba-tiba dan tidak dikenal punca kematiannya digolongkan kepada orang yang kena sumpahan bomoh juga. Orang Melayu Kelulut menganggap bomoh Siam lebih pandai membuat ilmu hitam seperti sumpahan, penawar dan sebagainya dibandingkan dengan bomoh kampung sendiri.

"Kalu tengok orang senang, beli barang comel, puang irihati... kalu jiran kerja untung, lelaki irihati... kalu puang mulut saja, tapi lelaki, ada juga jumpa bomoh Siam dan buat sihir, minyak dagu."  
(Azizah binti Taib)

Orang yang tamak dan asyik mengumpul harta dipandang rendah. Orang Melayu Kelulut menggemari kesederhanaan dalam pelbagai hal, iaitu rumah, pakaian, barang dan makanan yang sederhana. Seseorang yang berada pun dikehendaki tidak menunjuk kekayaan melalui rumah mewah dan barang-barang mahal. Sebaliknya dia digalakkan memberi banyak sedekah kepada orang susah. Orang kaya yang menunjukkan kekayaan, kemewahan hidupnya, meninggikan diri dan bersikap sombong tidak disukai dan tidak 'jadi orang' dalam pemikiran orang Melayu Kelulut kerana dia tidak mempunyai unsur kekitaan sebagai manusia. Orang tersebut menjadi buah mulut atau bahan umpatan, sasaran irihati, dengki dan sebagainya.

"Orang tamak, tak mahu tolong orang susah itu tak baik,...kalu dia suka tunjuk kekayaan dia, itu lagi tak baik, nanti kena dengki orang, bahaya juga.. orang yang dengki sama dia itu boleh upah bomoh Siam..." (Arifin bin Muda)

#### 4. 4. 3. 3 Rendah diri dan Tidak Menonjolkan Diri Sendiri

Orang Melayu Kelulut mementingkan sikap rendah diri dan bersopan santun dalam kehidupan bermasyarakat yang ditekankan oleh nenek moyang mereka melalui peribahasa 'bawa rasmi padi, semakin berisi makin menunduk, jangan bawa rasmi jagung, makin berisi makin jegung'. Anggota-anggota masyarakat sering membandingkan dirinya dengan orang lain dan membandingkan juga hasil kegiatan mereka dalam pekerjaan. Orang yang berada dalam keadaan susah, boleh berasa irihati. Justeru Foster menegaskan pentingnya sifat sederhana untuk keselamatan sendiri dan keharmonian masyarakat.

"peasant families can be relatively self-sufficient and individualistic ; so each family sees itself in a competitive struggle with others for the scarce values of life. They do not compete for outward symbols of success or display ; instead, everyone tries to be inconspicuous and to look like every one else, in order to avoid evoking jealousy, envy and criticism. " (Foster, 1965 : 293-315)

Wan Rafaei Abdul Rahman berpendapat bahawa irihati adalah faktor yang menghalang perkembangan masyarakat Melayu. Kalau orang lain mencapai kejayaan, orang lain akan mengumpat orang berkenaan kerana berasa irihati ;

"kekurangan kejayaan dalam masyarakat Melayu mungkin disebabkan dalam budaya Melayu terdapat juga nilai lain yang lebih berpengaruh yang menyekat pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat. Salah satu nilai yang negatif yang sangat ketara ialah iri hati atas kejayaan orang lain." (Wan Rafaei Abdul Rahman, 1993 : 114)

Selain itu, orang yang selalu membantah terhadap keputusan orang lain dianggap sebagai orang yang cerewet atau sombong. Justeru orang Melayu Kelulut jarang membantah pendapat orang lain dan sanggup menerima saja keputusan yang

telah ditentukan oleh orang lain. Ini adalah salah satu aspek daripada sikap sederhana 'orang'.

"Kalu orang selalu ca'kap, ini dok boleh itu dok boleh,..orang macam itu cerewe sangat, susah nak layan... orang baik hati terbuka, dok cerewe." (Arifin bin Muda)

Sikap sederhana ini juga berkaitan dengan hubungan keluarga atau hubungan antara manusia. Orang Melayu Kelulut mengatakan bahawa seseorang tidak boleh menunjukkan kasih sayang terhadap anaknya atau teman hidup di hadapan orang ramai. Mereka mempercayai sikap sedemikian tidak bijak dan tidak baik kerana sikap itu boleh menyebabkan kecemburuan orang lain. Dengan kata lain, sikap itu boleh mendatangkan kecelakaan kepada mereka sendiri. Oleh itu, orang Melayu Kelulut tidak meluahkan semua perasaan. Mereka lebih rela menyembunyikannya dan berusaha agar kelihatan tenang dan biasa sahaja walaupun perasaan hatinya begitu meluap-luap. Wan Abdul Halim Othman juga memerhatikan sifat sederhana ini dalam keluarga seperti berikut ;

"masyarakat Melayu menekankan nilai kesederhanaan dalam hubungan ahli keluarga. Sebagai contoh, anak-anak dianggap sebagai amanah untuk sementara sebelum dia kembali kepada Allah....perasaan kasih sayang dan pergantungan yang keterlaluan antara suami isteri dan antara ibu bapa dengan anak dianggap sebagai gejala yang tidak sihat. Tingkah laku kemesraan yang ditunjuk-tunjuk di hadapan khalayak ramai tidak digalakkan kerana tingkah laku ini dianggap sumbang dan dibuat-buat." (Wan Abdul Halim Othman, 1993 : 88-89)

#### 4. 5 Nilai-Nilai Lain

Daripada pemhatian, temuramah dan soalselidik terhadap orang Melayu Kelulut didapati mereka lebih memberi tekanan kepada perkara-perkara yang

bersifat non-material seperti faktor agama, budi bahasa dan perpaduan sosial dibandingkan dengan faktor material seperti kekayaan, pangkat, pendidikan dan pekerjaan seseorang individu. Walaupun demikian faktor material terutamanya yang berkaitan dengan ekonomi dan politik tidak boleh diketepikan kerana faktor-faktor ini merupakan dasar kehidupan seseorang individu supaya meneruskan hidup sendiri. Di samping itu, kehidupan seseorang individu dipengaruhi dengan kuatnya oleh ideologi capitalism atau materialism yang menggalakkan persaingan di antara orang supaya mencapai atau memperolehi peluang untuk pekerjaan, kedudukan dan keuntungan yang lebih banyak.

Orang Melayu Kelulut mementingkan sifat dan perangai orang dalam menilai seseorang dan pada masa yang sama faktor ekonomi termasuk harta, sikap berusaha dan perkerjaan juga menjadi salah satu kriteria yang penting dalam penilaian terhadap seseorang individu. Ini kerana kalau seseorang yang bersifat rajin berusaha, dia boleh menjayakan diri sendiri dalam kerjaya dan kemungkinan besar dia menikmati hidup yang senang. Lantaran itu, walaupun ibu bapa Melayu Kelulut berada dalam kemiskinan dan tidak memiliki harta yang banyak, mereka mengharapkan agar anak mereka akan meningkatkan taraf hidup mereka pada masa depan. Peluang pelajaran yang diberi kepada anak mereka membolehkan anak-anak cerdik mendapat kerja yang baik dan mendapat gaji besar untuk menampung dan meningkatkan taraf hidup. Dalam konteks ini nilai ilmu dan nilai kuasa berinteraksi dan saling melengkapi di antara satu sama lain.

Orang Melayu Kelulut memberi pandangan mereka terhadap harta benda bahawa harta benda tidak berapa penting dalam nilai-nilai mereka. Dalam keadaan susah orang Kelulut menghiburkan diri sendiri dengan pandangan sedemikian tetapi ini tidak bermakna orang Kelulut enggan atau menolak menjadi orang senang. Walaupun demikian, mereka juga hendak menikmati kesenangan dalam hidup ini. Pandangan ini boleh berkait dengan peribahasa 'daripada cempedak baik nangka,

daripada tidak baiklah ada'. Orang Kelulut tidak menganggap bahawa menjadi kaya itu berdosa atau bersalah dari segi agama sekiranya seseorang itu memperoleh kekayaan secara halal. Seseorang yang kaya boleh menduduki tempat yang tinggi dalam masyarakat kalau dia mendapat kekayaan itu melalui usaha sendiri dan sudi menyalurkan hartanya demi kebaikan masyarakat.

Seseorang yang rajin juga boleh mendapat pekerjaan yang baik dan akhirnya boleh mencapai kedudukan yang tinggi dalam masyarakat. Oleh itu seseorang yang berjaya dalam bidang kerjayanya dan mencapai kedudukan tinggi melalui usaha sendiri dinilai tinggi oleh masyarakat. Dalam hal ini didapati interaksi di antara ekonomi dengan kuasa. Pendidikan pada masa kini bukan sahaja mahu menjamin kehormatan seseorang terhadap kebijaksanaan atau kecendekiannya tetapi juga menjamin kesenangannya dalam kehidupan kerana seseorang yang berpendidikan tinggi mudah mendapat pekerjaan yang baik. Justeru itu pendidikan merupakan salah satu penggerak yang membolehkan seseorang individu mempertingkatkan kedudukan atau tarafnya ke tahap tinggi walaupun seseorang individu itu berasal dari keluarga miskin dan orang kebanyakan. Dengan itu, orang yang berpelajaran tinggi boleh dihormati oleh masyarakat. Dalam hal ini, nilai-nilai ilmu dan kuasa saling melengkapi dan berinteraksi di antara satu sama lain.

Walaupun orang Melayu Kelulut mengatakan mereka tidak membezakan sikap mereka terhadap orang lain menurut kedudukan dan pekerjaannya, mereka juga mempunyai kegemaran dalam pekerjaan anak mereka. Mereka mengharapkan anaknya mendapat pekerjaan yang senang dan dihormati oleh masyarakat seperti guru, kakitangan kerajaan dan tok imam mengikut kemampuan sendiri. Dalam masyarakat sedemikian kedudukan dan pencapaian seseorang individu adalah ukuran dalam menilai seseorang. Seperti dilihat di atas kedudukan seseorang itu

merupakan hasil daripada perbuatan seseorang seperti sikap rajin berusaha, berilmu, berharta dan berpangkat.

Dalam masyarakat yang dipengaruhi oleh capitalism atau materialism, seseorang individu dinilai oleh kemampuannya untuk mendapat hasil dari kerjanya atau mencapai sesuatu matlamatnya. Keadaan sedemikian masih sangat berbeza dengan keadaan masyarakat Kelulut kerana walaupun masyarakat Kelulut sedang mengalami perubahan dengan pesat dari pelbagai segi, mereka masih mementingkan faktor non-material seseorang individu. Walaupun demikian, keadaan dalam masyarakat Kelulut pun berubah secara perlahan mengikut perubahan sosial kerana Kampung Kelulut tidak lagi terpencil daripada bandar yang menerima dan mengalami perubahan pesat dari segi segala aspek seperti ekonomi, sosial, politik dan lain-lain. Dengan adanya kemudahan-kemudahan seperti jalan raya yang menghubungkan kampung Kelulut dan bandar, media masa seperti t.v., radio, wayang dan surat khabar yang menyiarkan berita dari seluruh negara dan dunia, pembekalan air paip dan elektrik yang menyenangkan penghidupan orang kampung, orang Melayu Kelulut terdedah kepada maklumat dan pengaruh dari luar, iaitu bandar. Oleh itu, perdedahan orang Kelulut terhadap pengaruh luar boleh menyebabkan perubahan nilai-nilai dan sikap orang Melayu Kelulut terhadap konsep 'jadi orang'. Melalui pengaruh dan perdedahan tersebut, orang Melayu Kelulut juga mengetahui keadaan bandar yang menikmati kemudahan-kemudahan yang lebih baik dan mereka juga berharap untuk menikmati kesenangan kini yang masih terhad kepada orang besar dan orang kaya sahaja.

#### 4. 6 Kesimpulan

Orang Melayu Kelulut sangat memberatkan faktor agama dalam penilaian seseorang individu. Mereka semuanya beragama Islam dan semua perkara

dalam kehidupan masyarakat dijalankan dengan berdasarkan ajaran Islam. Oleh itu, orang alim merupakan orang yang paling penting dalam masyarakat kerana mereka boleh melakukan pelbagai peranan yang berkaitan dengan Islam. Dalam konteks ini orang Melayu Kelulut lebih mementingkan peranan dan sumbangan seseorang alim dalam masyarakat daripada ilmu pengetahuan yang dimilikinya. Orang beriman pula dianggap sebagai orang yang mengikut tingkah laku Nabi dan boleh diharapkan kerana orang Melayu Kelulut mempercayai bahawa orang beriman jarang berbuat jahat. Walaupun faktor ibadat merupakan perkara peribadi, itu merupakan salah satu syarat untuk menjadi 'orang'.

Faktor budi bahasa dan sosial pula ditegaskan oleh orang Melayu Kelulut kerana faktor-faktor ini memperlicinkan perhubungan di antara anggota masyarakat dan mendatangkan suasana yang baik kepada masyarakat. Sifat-sifat yang ditekankan oleh orang Melayu Kelulut adalah bertingkah laku sopan dan lemah-lembut, bercakap molek, sifat ramah, memberi salam dan sebagainya. Kerja sama dan tolong-menolong juga ditekankan kerana seseorang individu tidak boleh menjalankan kehidupannya tanpa kerja sama dengan anggota lain. Semua peristiwa dalam masyarakat Melayu Kelulut dilaksanakan secara kerja sama. Oleh itu, seseorang individu telah menjadi 'orang' apabila dia mempunyai sikap yang sudi berkerja sama dengan orang lain dan tolong-menolong sesama manusia. Dia juga dikehendaki membalas budi dan jasa orang lain.

Satu lagi faktor yang sangat penting adalah semangat kekitaan sesama anggota masyarakat. Semangat kekitaan ini timbul dari latar belakang masyarakat Melayu Kelulut yang merupakan masyarakat luar bandar dan anggotanya mempunyai hubungan darah sesama mereka, iaitu sama keturunan. Semangat kekitaan ini mendatangkan perasaan belas kasihan kepada anggota lain dan sikap murah hati serta meliputi perikemanusiaan. Sifat sederhana juga dititikberatkan untuk mencapai masyarakat berharmoni kerana sifat sederhana baik dari segi harta

mahupun dari segi sikap dan tingkah laku boleh mencegah perasaan iri hati dan dengki yang sering menjejaskan keharmonian.

Dalam masyarakat Melayu Kelulut, orang yang mendapat hasil yang lebih lumayan daripada kawan-kawan lain yang juga bekerja keras dianggap sebagai orang pandai atau orang bernasib baik. Tetapi, itu tidak bermakna dia dinilai tinggi daripada orang lain kerana hasil atau pendapatan itu tidak menduduki tempat yang paling tinggi daripada faktor yang lain seperti sikap rajin, tekun dan sebagainya. Orang Melayu Kelulut lebih menghormati orang yang bersungguh-sungguh berusaha dan rajin bekerja daripada hasil yang diperolehinya. Dengan kata lain, orang Melayu Kelulut lebih mementingkan cara daripada hasil atau 'means than result.'

## Nota

<sup>1</sup> Dalam dialek Terengganu, 'bekeng' bermakna lekas marah sementara 'musang' adalah yang bersifat garang.

<sup>2</sup> PAS - Parti Islam Se Malaysia ditubuhkan pada tahun 1951 dan merupakan parti pembangkang. PAS memerintah kerajaan Negeri Kelantan.

<sup>3</sup> Dalam dialek Terengganu, perkataan 'puang' membawa makna yang sama dengan perempuan. Perkataan ini berbeza dengan gelaran terhadap wanita yang sudah berkahwin, iaitu Puan dalam bahasa baku.

<sup>4</sup> Menurut Pegawai Daerah Marang, Terengganu, Tuan Haji Baharuddin bin Ismail, "Kadar orang miskin Negeri Terengganu ialah 28% dan kadar ini adalah tinggi dibandingkan dengan kadar keseluruhan negara, 17%. Orang miskin merupakan golongan orang yang berpendapatan RM176 hingga RM380 sebulan sementara orang termiskin ialah golongan orang pendapatannya di bawah RM 175 sebulan."

<sup>5</sup> Dalam ungkapan orang Kelulut, 'molek' bermakna baik, bagus, cantik dan sebagainya.

<sup>6</sup> Dalam dialek Terengganu, 'mengorek' adalah perbuatan membuat lubang di dalam tanah pasir yang dibaluti dengan bungkus plastik supaya menanam benih di dalamnya sebelum menyemai.

<sup>7</sup> Sila rujuk bab III untuk sejarah Kampung Kelulut.